



Ahmad bin Murad, Teluk Nibong bertanya: Di Indonesia sekarang sedang berlaku pertentangan di antara kerajaan Indonesia dengan suatu pihak Darul Islam yang terdiri dari tiga daerah iaitu Jawa Barat, Sulawesi dan Aceh. Orang-orang yang mengadakan pemberontakan ini di sebut gerombolan bersenjata dan lain-lain kata lagi seperti kalimah-kalimah penjahat. Ringkasnya di dalam siaran-siaran yang disiarkan mereka seolah-olahnya orang jahat dan keadaan diburuk-burukkan. Bolehkah kita sebagai orang Islam memburuk-burukkan langkah mereka itu?

Jawab: Bagi seorang Islam yang mengetahui dan Mempelajari hukum Islam seluas-luasnya tentulah mengetahui bahawa adalah diwajibkan bagi tiap-tiap seorang umat Islam berkerja menegakkan hukum-hukum Islam di mana jua ia berada. Dapat terlaksana atau tidak, bukanlah kuasa dirinya dalam menegakkannya tetapi ia diwajibkan supaya mengusahakan sehingga terdiri hukum-hukum itu.

Untuk melaksanakan ini, caranya, terserah kepada kemampuan umat itu sendiri. Jika ia tidak berupaya menegakkan dengan kekuatan yang ada pada mereka maka tidaklah dituntut bagi mereka melaksanakannya dengan kekuatan dan harus mereka memperjuangkannya dengan cara-cara yang lain dengan kadar dan daya upaya mereka.

Perisytiharan negara Islam Indonesia yang dianjurkan oleh imamnya Kartosuwiryo ialah pada tahun 1949 iaitu setelah ia mendapati bahawa negara Islam tidak akan tidak akan tercapai jika Sukarno dan

kawan-kawannya berkuasa dan kerana itulah ia berjihad bahawa hendaklah mengadakan pemberontakan sahaja jalannya negara Islam akan terdiri di Indonesia. “Untuk membina dan menggalang negara kurnia Allah perlu dan wajiblah dikeluarkan *revolution-revolution* terutamanya *revolution* Islam yang akan mendesak masyarakat sampai kepada tingkat “masak” baik dalam makna politik, tentera, agama mahupun dalam erti kata yang lainnya.”- kata Kartosuwiryo, imam negara Islam Indonesia.

“Jadi kalau kita menghendaki berdiri negara kurnia Allah itu” katanya- “Janganlah sekali-kali takut terjilat oleh api revolusion- tiada kanak-kanak yang zahir melainkan di sertai dengan curahan darah”.

Sekian pendapat atau ijtihadnya untuk menegakkan negara Islam. Dengan ijtihad yang demikian itulah beliau terus berjuang- mulanya berseorangan tetapi kemudian di sambut oleh Kahar Muzzakar di Sulawesi, Ibnu Hajr di Kalimantan dan akhirnya di Aceh pada 20 September 1953 diketuai oleh ulama Indonesia yang terkenal, Kiyai Muhammad Daud Beureueh.

Mereka itu semuanya telah berjihad, setelah menyelidiki kedudukan dan tempat mereka, dan setelah mengetahui kekuatan dan keimanan mereka, maka untuk menegakkan kalimah Tuhan, teras kewajipan bagi dirinya mengorbankan apa yang ada untuk menegakkan kalimah Tuhan di negara Indonesia yang sekarang dikuasai oleh Sukarno dan kumpulannya menggalang cita-cita menegakkan negara Islam, bahkan jelas dan nyata dilihat berbagai kelakuan dan perbuatan diusahakan untuk mengambil hati orang-orang Islam yang boleh dipikat mereka sehingga, kerana kedudukan-kedudukan, ada orang-orang Islam yang sudi berkerjasama dengan Komunis dan Parti Kebangsaan dengan membelakangkan

cita-cita dan kewajiban menegakkan negara Islam

“yang diharamkan” oleh Sukarno dan kawan-kawannya.

Kerana menegakkan kewajiban dan cita-cita yang mulia itu, yang berani ditebus mereka dengan darah mereka yang merah- yakni dengan menjalankan jihad mereka pada jalan Allah dengan harta dan jiwa raganya- adakah kita orang-orang yang beragama Islam akan menyebutnya bahawa langkah mereka itu suatu langkah atau komplotan orang-orang jahat? Adakah kita umat Islam, yang menyembah Tuhan lima kali sehari, yang taat kepada perintah-Nya, akan mengatakan bahawa mereka orang-orang jahat padahal mereka berjuang dengan darahnya, tidak lain daripada menunaikan perintah Tuhan?

Bagi orang-orang Islam yang beriman kepada Allah tentunya mereka menghormati mereka itu sebagai mujahid-mujahid yang berjuang dengan “hartanya dan dirinya pada jalan Allah” -sebagai tentera Allah yang telah menyambut seruan Tuhan dengan tidak lagi sayang kepada dirinya- hartanya dan kesenangannya. Kita wajib angkat tangan memberi hormat kepada mereka walau apapun orang-orang lain hendak mengatakan kepada kita. Mereka telah berani menegakkan yang halal kata Tuhan sekalipun haram kata manusia dengan bermandikan darah.

Dengan keterangan-keterangan ini dapatlah saudara memerhatikan bahawa kita tidak boleh memburuk-burukkan mereka- sebaliknya kita wajib menghormati mereka; dan kalau berupaya wajib menolong mereka yang berjihad itu bagi mengurangkan bebanan dan tanggungjawab mereka. Tidak ada seorang pun ulama Islam, kita fikir, yang berani memberi fatwa mengharamkan perjuangan mereka itu dan mudah-mudahan mereka yang telah terbunuh di dalam menegakkan kalimah Tuhan itu terhimpun dalam kumpulan orang-orang yang disebut di dalam firman Tuhan:

Walātaḥsabanna alladhina qutilū fī sabīlillāhi amwātā bal

aḥyā’indarabbiḥim yurzaqūna. (Q. al-Imran 169).

Maksudnya: “Dan janganlah engkau sangka orang-orang yang terbunuh pada jalan Allah itu mati, bahkan (mereka itu) hidup di sisi Tuhan mereka, diberi rezeki.”

* * *

Berimam Kepada Ahli Bidaah

Muhammad Sa‘id bin Abdul Ghani, 380 Jalan Hajah Rahimah, S. Jelutong, Pulau Pinang bertanya: Bolehkah atau tidak seseorang berimamkan orang yang berpegang tidak mahu diajak kembali kepada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya (ahli bidaah-P) waktu sembahyang, dan apakah pula pahala atau dosa bagi makmum itu tadi?

Jawab: Tidak ada halangan menurut pendapat kita, jika kita sembahyang di belakang mereka itu asalkan sahaja

Rebutlah peluang baik anda!

Pesanlah sebelum kehabisan!

* * *

Hantar:-

Akan dapat:-

\$1.20

4 macam kalendar

90

3 “ “

60

2 “ “

30

1 “ “

Alamatkan kepada:

QALAM

356-358 Geylang Rd.

Singapore, 14.

syarat-syarat sembahyang seperti takbir, Fatihah, rukuk, sujud, duduk di antara dua sujud dan lain-lain perbuatan yang lahir serta bacaannya tidak menyalahi dengan yang dicontohkan oleh junjungan kita Muhammad (SAW). Kita kalau berjumpa dengan mereka itu hendaklah memberi salam seperti saudara kita sendiri dan kalau sekiranya saudara pandang mereka itu kasar maka berhalus-haluslah dengan mereka itu dan tunjukkan kepada mereka itu akan perangai-perangai dan kelakuan-kelakuan yang baik dan bijaksana.

Cara-cara kekasaran hendaklah dijauhkan dan buatlah perhubungan dengan ukhwah yang baik sebagai saudara bersaudara dan bertanggungjawab dengan mereka itu.

* * *

Perkara Zohor Lagi

S. Yusuf kaum laut, Western, North Borneo, bertanya mengenai perkara-perkara yang bersabit dengan ibadat Jumaat iaini sembahyang zohor sesudah Jumaat.

Perkara ini telah kerap kali kita jawab iaitu mengadakan Zohor sesudah Jumaat itu tidak dilakukan dan tidak pernah diadakan pada zaman Rasulullah hatta oleh Imam Syafi'e yang menjadi ikutan mereka itu. Harap saudara perhatikan jawapan-jawapannya di dalam keluaran-keluaran Qalam dahulu.

* * *

Mengapa Berbalah

R. Hasan Tengku Che Madrasah Diniyah Petra: Kampung Peraga Petani, Thailand: Bertanya mengapa kebanyakan ulama-ulama zaman sekarang kerap kali mencari pertelingkahan di dalam agama? Tidakkah Islam itu satu dasar sahaja iaitu menurut ahli sunnah wa al-jemaah – adakah pernah berlaku juga pendapat seperti sekarang?

Jawab: Di antara beberapa sebab yang berlaku di tempat-tempat kita ini tidak lain tujuannya atau maksudnya hendak mencari pengaruh. Kalau pada zaman dahulu mereka bertukar-tukar fikiran kerana mengertikan atau memaknakan sesuatu itu kerana menambah ilmu, mereka sehabis itu tidak lagi bermusuhan-musuhan atau mencari pertelingkahan. Tetapi sekarang perkara-perkara itu selalu diungkit-ungkit dan yang dicari bukannya titik persamaan, tetapi titik yang membawa perpisahan di antara satu dengan lain dan kalau sudah ulama-ulama itu sendiri tidak tahu membezakan di antara pengertian dan pendapat dengan ukhwah dan persaudaraan maka sudah tentu pengikut-pengikutnya pun lebih-lebih lagi.

Asas bagi agama Islam ialah al-Quran. Lazimnya apabila tidak jelas sesuatu di dalam al-Quran itu maka datanglah hadis sebagai penjelasannya dan jika tidak terang di dalam hadis itu di benarkan ijmak ertinya pendapat sahabat-sahabat di atasnya dan apabila tidak pula pendapat-pendapat itu umpamanya timbul satu perkara yang tidak ada tetapi umumnya perkara-perkara yang mengenai ibadat itu jelas dan terang dengan tidak dapat diberi pendapat-pendapat lain selain daripada keterangan-keterangan yang sah daripada tiga punca itu.

Ikutilah majalah

QALAM

Berdasarkan al-Qur'an al-karim

dan al-hadith al-sharif